

67

**Amaran kepada anggota2 UMNO  
supaya sentiasa berwaspada**

# Mahathir: Awas tikaman dari belakang

B. H. 19 MAY 1980  
**SABAK BERNAM, Ahad**  
— Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**, memberi amaran kepada ahli-ahli UMNO supaya berwaspada terhadap segolongan kecil yang cuba 'menikam' parti dari belakang untuk kepentingan diri sendiri.

Golongan itu, tegasnya,

"Mereka tidak akan senang duduk setelah mendapat kemudahan dari Kerajaan sedangkan secara senyap-senyap menyokong parti lain," ujarnya.

## Laga2

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada golongan ini benar-benar masuk UMNO. "Yang saya tahu mereka tidak memegang sebarang jawatan dalam parti," tambahnya.

termasuk kaum peniaga Bumiputera dari parti PAS yang berpura-pura berbaik-baik dengan Ketua-ketua UMNO untuk mendapatkan peluang dan kemudahan tertentu.

"Mereka cukup pintar mempengaruhi ketua-ketua itu dengan menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan perjumpaan untuk menyelesaikan perniagannya," kata beliau lagi.

Ketika merasmikan mesyuarat agung Perwakilan UMNO Bahagian Sabak Bernam di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, golongan itu tidak mahu masuk UMNO, sebaliknya hanya bersimpati sahaja.

"Mereka memberikan berbagai alasan termasuk 'golongan peniaga tidak boleh dicampuradukkan dengan politik'," tegasnya lagi.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, mereka kebanyakannya datang dari Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain hanya berpura-pura menyebelahi UMNO sambil menikmati peluang dan kemudahan yang diberikan.

"Tapi mereka tidak mahu masuk UMNO, sebaliknya lebih bersedia masuk PAS," tegasnya.

Beliau memberi amaran kepada golongan ini supaya menghentikan sikap berpura-pura itu.

Beliau juga menyentuh soal setengah ahli UMNO yang cuba merebut sesuatu jawatan dengan cara tidak baik.

"Setengah mereka mengemukakan berbagai tipu helah berdasarkan borang percalonan dan keahlian calon lawannya dalam parti," jelasnya lagi.

Katanya, ada juga yang cuba melagakan calon dan memancing undi supaya ahli menyokong calon pilihannya.

"Saya harap ahli-ahli UMNO dalam setiap Bahagian berhati-hati dengan perbuatan ini yang boleh menjejaskan imej UMNO," ujar beliau.

Timbalan Perdana Menteri juga memberitahu, ahli-ahli UMNO perlu memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin yang dipilih.

Ramai juga ahli-ahli parti, katanya, yang tidak begitu mendalam soal dasar parti hingga mereka menyalahertikan perjuangan para pemimpin.

Beliau juga tidak berkeberatan menerima kritik-kritik yang membina dari ahli-ahli UMNO sendiri untuk kebaikan parti.